



JABATAN LAUT MALAYSIA



SAMBUTAN WORLD MARITIME WEEK 2019

Kuala Lumpur Convention Centre, 10-14 September 2019- Minggu Maritim Sedunia ini telah dirasmikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia di KLCC.

Tema yang telah dipilih oleh International Maritime Organisation pada sambutan kali ini ialah *"Empowering Women in the Maritime"* yang akan menjadi satu platform untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesaksamaan jantina, sejajar dengan matlamat pembangunan mampan Pertubuhan Bangsa Bersatu, dan untuk juga menyerlahkan pentingnya sumbangan wanita dalam sektor Maritim.



SAMBUTAN HARI ALAT BANTUAN PELAYARAN MARIN SEDUNIA / WORLD MARINE AIDS TO NAVIGATION DAY (WATON) DAY 2019

Perasmian WATON Day telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia di booth pameran JLM sempena *World Maritime Week* pada 10 September 2019 KLCC. Sambutan WATON Day 2019 Malaysia telah diadakan pada 14 Sept 2019 di Rumah Api Kuala Selangor. Sempena WATON DAY ini beberapa Rumah Api seperti Rumah Api Fort Cornwallis, Rumah Api Kuala Selangor, Rumah Api Bukit Jugra, Rumah Api Bukit Segenting dan Rumah Api Tanjung Tuan telah dibuka kepada orang ramai bermula jam 9.00 pagi hingga jam 4.00 petang untuk dikunjungi oleh orang ramai.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan bagi pengunjung yang tiba dan diantaranya ialah WATON Walk, Pertandingan Mewarna, Pameran, Soalan Kuiz dan acara2 sampingan lain yang disediakan di setiap Rumah Api. Acara ini secara tidak langsung member pendedahan dan pengetahuan kepada orang ramai berkaitan alat bantuan pelayaran dan sumber sejarah di negara kita ini.



BULETIN

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ogos September Oktober November
2019



JABATAN LAUT MALAYSIA – CLEANERSEAS

AKTIVITI CSR INTERNATIONAL COASTAL CLEANUP OLEH JLM

Pulau Indah, 20 September 2019 - Program

CSR 01/02/03: *International Coastal Cleanup*

Jabatan Laut Malaysia telah berlangsung pada 21
September 2019 di MATRAIN, Pulau Indah,

Selangor. Program kesedaran sosial ini dihadiri oleh Lembaga Pelabuhan Klang, Northport, Khazanah Marine, Jabatan Perhutanan, Bomba, Jabatan Pertahanan Awam dan warga Jabatan Laut Malaysia dalam menggalakkan pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat. Lokasi yang dipilih bagi melaksanakan program ini adalah di sepanjang pesisiran bakau MATRAIN yang terletak di Selat Klang, Selangor.



Perasmian program ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Dius Api merangkap Ketua Pengarah Laut Jabatan Laut Malaysia, YBhg Dato' Haji Baharin Bin Dato' Abdul Hamid dengan menanam pokok sebagai simbolik sokongan kepada program CSR ini. Satu sesi seminar Kelestarian Ekosistem Paya Bakau Alaf ke-21 juga turut diadakan untuk memberi lebih manfaat kpd orang ramai.

Sesi seminar ini telah disampaikan oleh Pakar Bakau dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Dr A. Aldrie Amir yang merupakan *Research Fellow* dari *Institute for Environment and Development* (LESTARI) yang dijemput untuk menyampaikan tips dan petua dalam mengekalkan kelestarian melalui penanaman dan penjagaan pokok bakau serta peranan pokok bakau dalam membantu dalam mengekalkan keseimbangan dunia susulan dari pelbagai impak pencemaran. Pengisian di dalam program ini adalah berkonsepkan alam sekitar dan penjagaan kebersihan alam semula jadi di samping memupuk nilai-nilai positif yang mana diketengahkan oleh Jabatan Laut dalam mendekati masyarakat dan memperkenalkan Jabatan Laut kepada pihak umum.



BULETIN

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ogos September Oktober November
2019



KEMPEN KESELAMATAN



Kapit Sarawak, 23 September 2019 - Bahagian Pengurusan Traffik Dan Bantuan Pelayaran, Jabatan Laut Wilayah Sarawak telah dengan berjayanya menjalankan Program kempen kesedaran dan keselamatan di atas bot pada 23 Sept 2019 bertempat di Sek Keb Nanga Ibau Kapit Sarawak dan kempen ini mendapat sokongan positif dari pengusaha serta pembawa bot di kawasan Kapit Sarawak.

Tioman, 30 Ogos- 2 September 2019 - Kempen Keselamatan Bot dan Feri Penumpang dengan Tema 'keselamatan diutamakan, keselesaan dititikberatkan' telah diadakan di Pulau Tioman, Pahang oleh Jabatan Laut Wilayah Timur dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pahang, Polis Marin Wilayah Timur dan Jabatan Laut Wilayah Selatan Kempen tersebut adalah bertujuan untuk memastikan feri dan bot penumpang yang digunakan sentiasa mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan serta mempunyai sijil atau lesen yang sah semasa beroperasi.



MAJLIS PENYERAHAN SURAT KENAIKAN PANGKAT KEPADA

YBhg. DATO' HAZMAN BIN HUSSEIN

Kementerian Pengangkutan Malaysia, 21 Ogos 2019 - Warga JLM mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' Hazman bin Hussein (kiri) yang menerima surat kenaikan pangkat ke Gred JUSA C sebagai Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan) daripada YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abdul Rahman, KSU Kementerian Pengangkutan Malaysia pada 21 Ogos 2019. Surat serahan kenaikan pangkat itu turut disaksikan oleh YBhg. Dato' Hj. Baharin bin Dato' Abdul Hamid, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia.



BULETIN

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ogos September Oktober November
2019



23RD MEETING OF THE AIDS TO NAVIGATION FUND COMMITTEE (ANF)

Kuching, Sarawak, 26-27 September 2019 –
Jabatan Laut Malaysia telah menjadi Tuan Rumah bagi
23rd Meeting on the ANF Committee dan telah
dipengerusikan oleh YBhg Dato' Haji Baharin Bin Dato'
Abdul Hamid. Ahli Jawatankuasa yang hadir adalah 3 negara Littoral adalah – Indonesia, Malaysia and
Singapore – turut hadir bersama juga,



Republic of India, Republic of China, Republic
of Korea, Japan, Saudi Arabia, United Arab
Emirates, Malacca Strait Council (MSC),
International Maritime Organization (IMO),
International Foundation for Aids to Navigation,
Whitherb Publishing Group, The Nippon
Foundation (diwakili oleh the Nippon Maritime
Centre).



Indonesia, 30 September – 1 Oktober 2019 -Ketua Pengarah Laut, YBhg Dato' Hj. Baharin Bin
Dato' Abdul Hamid mengetuai perwakilan Malaysia yang terdiri dari Jabatan Laut Malaysia, Kementerian
Pengangkutan Malaysia, Kementerian Luar Negeri, Pusat Hidrografi Nasional, Maritime Institute of
Malaysia, Malaysia Shipowner Association, Petronas Berhad, Greenfinder Sdn Bhd dan Telekom
Malaysia Berhad ke 12th Cooperation Forum yang telah diadakan pada 30 September hingga 1 Oktober
2019 di Semarang Indonesia.

Seminar Cooperation Forum menyentuh kepada Keselamatan Pelayaran dan Perlindungan Alam Sekitar
di Selat Melaka dan Selat Singapura dan di hadiri oleh ketiga-tiga negara littoral dan pihak yang
mempunyai kepentingan di Selat Melaka dan Selat Singapura.



Indonesia, 2 - 3 Oktober 2019 - Timbalan Ketua Pengarah Laut Perancangan, YBhg Dato' Hazman
Bin Hussein mengetuai perwakilan Malaysia ke 44th Tripartite Technical Expert Group dan 12th Project
Coordination Committee yang telah diadakan pada 2 - 3 Oktober 2019 di Semarang Indonesia.

Dua siri mesyuarat ini menyentuh kepada perkara-perkara Keselamatan Pelayaran dan Perlindungan
Alam Sekitar serta projek-projek yang dilaksanakan di bawah persefahaman ketiga-tiga negara pesisir
pantai di Selat Melaka dan Selat Singapura yang turut di hadiri oleh ketiga-tiga negara pesisir pantai dan
pihak yang mempunyai kepentingan di Selat Melaka dan Selat Singapura.



BULETIN

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ogos September Oktober November
2019



PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN DAN PAMERAN SEMPENA MINGGU PELABUHAN (PORT WEEK) LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (LPJ) 2019

Johor, 12 Oktober 2019- Team Pameran Jabatan Laut Malaysia dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia telah menyertai Program Hari Bertemu Pelanggan dan Pameran Sempena Minggu Pelabuhan (Port Week) Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) 2019.

Program tersebut berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 12 dan 13 Oktober 2019 bertempat di AEON Permas Jaya, Johor. Pelbagai acara dan aktiviti menarik turut diadakan pada hari tersebut.



Langkawi, 13.10.2019- Jabatan Laut Malaysia mewartakan arahan setiap pengusaha feri di Malaysia perlu memiliki Sijil Designated Person Ashore (DPA) and International Safety Management (ISM) Internal Auditor.

Arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Laut bertarikh 1 Julai 2019 perlu dipatuhi oleh semua pengusaha feri susulan kejadian sebuah feri penumpang di perairan Langkawi pada 25 Februari yang lalu. Setiap pengusaha feri perlu mempunyai seorang pegawai dan seorang penolong pegawai yang memiliki DPA & ISM. Ketidak patuhan arahan ini, pengusaha feri boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun.



Kursus Farmiliarisasi dan pengendalian kapal pelayaran diatas kapal MV Bahtera Laut dari Kuching ke Labuan pada 20 hingga 30 Oktober 2019. Anjuran Unit Pengurusan Kapal Bhg Pengurusan Traffik dan Bantuan Pelayaran Wilayah Sarawak



JabatanLautMalaysia



jabatanlaut



@lautMY

Disediakan oleh Unit Korporat Jabatan Laut Malaysia (UK JLM)

Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas





BULETIN

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ogos September Oktober November
2019



LABUAN, SUKAN JABATAN LAUT MALAYSIA 2019-11-18



 JabatanLautMalaysia

 jabatanlaut

 @lautMY

Disediakan oleh Unit Korporat Jabatan Laut Malaysia (UK JLM)

Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas



BULETIN

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ogos September Oktober November
2019



Penang, 05 November 2019- 22nd Marine Accident Investigators Forum in Asia (MAIFA 2019) Park Royal Penang Resort

YBhg Dato' Hj Baharin Bin Dato' Abdul Hamid selaku Ketua Pengarah Laut telah merasmikan Forum ini yang telah dihadiri oleh 14 negara dari 5-7 November 2019.

Forum ini bertujuan untuk membincangkan siasatan insiden kemalangan kapal yang telah dijalankan bagi tujuan memahami dengan lebih terperinci apa yang telah berlaku dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan yang boleh dibuat bagi mengelakkan insiden yang sama berulang.



Majlis Clock Out IR HJ AHMAD KHAIRUDIN BIN ISMAIL

07 November 2019 - Satu majlis clock out bagi meraikan hari terakhir IR HJ AHMAD KHAIRUDIN BIN ISMAIL yang akan bersara wajib. Beliau telah bertugas di Jabatan Laut Malaysia sejak 04 Ogos 1982 selama 37 tahun bersama Jabatan Laut Malaysia.

Seluruh warga JLM mengucapkan jutaan terima kasih kepada beliau atas perkhidmatan cemerlang sepanjang bertugas di sini.

Didoakan agar beliau sentiasa berada didalam lindungan Allah SWT

Majlis Jasamu Dikenang



JabatanLautMalaysia



jabatanlaut



@lautMY

Disediakan oleh Unit Korporat Jabatan Laut Malaysia (UK JLM)

Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas



BULETIN

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ogos September Oktober November
2019



10 November 2019 - Dataran Chenang Langkawi

Pejabat Laut Langkawi telah menyertai majlis pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti Di Air Tahun 2019 yang telah dirasmikan oleh YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamarudin selaku Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Pejabat Laut Langkawi juga menyertai aktiviti pameran dan pasukan sokongan untuk demo SAR.



11 Nov 2019 –Ketua Pengarah Laut, Pengarah - pengarah Bahagian serta Wilayah dari Jabatan Laut Malaysia telah menghadiri lawatan ke Kilang dan Pejabat GreenFinder Sdn Bhd (GF) di Shah Alam, Selangor.

Tujuan utama lawatan ini ialah bagi meningkatkan pengetahuan dan mengenali dengan lebih dekat tentang produk e-navigation yang merupakan salah satu jenama keluaran tempatan dibawah Program Pembangunan Vendor (PPV). Lawatan ke kilang tersebut dihadiri oleh 25 orang yang diketuai oleh Ketua Pengarah Laut, YBhg Dato' Hj Baharin Bin Dato' Abdul Hamid

